


- 2 **Kalam Editor**
Sahabat Dunia dan Akhirat
- 3 **Pedoman**
Orang Sabar Dibalas Syurga
- 4 **Tamadun**
Farhatul
Inspirasi Generasi Cinta al-Quran
Siti Zubaidah Sekak
- 8 **Tamadun 2**
Membina Generasi al-Furqan
Burhan Che Daud
- 12 **Semasa**
Zikr al-Maut
Pedoman daripada Terus Hanyut
Norullisza Khosim
- 16 **Muhasabah**
Larangan Menyebarkan Fitnah
Wan Marzuki Wan Ramli
- 18 **Doa**
Doa Memohon Penghujung
Umur yang Baik
- 19 **Puisi Jawi**
Air Mata Hati
Halimah Abdul
- 20 **Fikrah**
Akidah dan Ibadat
Penentu Nilai Akhlak
Zakaria Stapa
- 24 **Taadib**
Model Pengajaran
Menurut Pandangan Ibn Khaldun
Nur Hanani Hussin
- 28 **Tarbiah**
Ibrah yang Terjadi
Pedoman Hari Ini dan Esok
Sidek Baba



- 32 **Sakinah**
Keluarga Sakinah
Asas Kejayaan Keluarga Malaysia
Mohd Nor Mamat
- 36 **Tasawur**
Tasawur Pengharaman Judi
Mohd Shukri Hanapi
- 40 **Tajdid**
Peranan Majlis Dakwah Negara
dan *Multaqa* Tajdid Ummah
Muhammad Razak Idris
- 44 **Muamalat**
Keupayaan Sistem Kewangan
Islam Menangani Krisis Ekonomi
Fadillah Mansor
- 48 **Istilah Semasa**
- 49 **Puisi**
Sekelumit Harap
Azlan Haji Ahmad
Sebutir Benih yang Kusemai
Mohd Kasim Mahmud
- 50 **Pedoman**
Agama Itu Nasihat
- 51 **Fardu Ain**
Kewajipan Mempelajari
Ilmu Fardu Ain
Khairul Akmal Abd Fatah
- 55 **Cerpen**
Ruang
Salina Ibrahim
- 59 **Islam Di Dunia**
Kemunculan Islam di Korea
Zulfqar Mohd Yusof
- 63 **Teka Silang Kata Jawi**



Membina Generasi al-Furqan

✒ **Burhan Che Daud**

Dekan Fakulti Pengajian Bahasa dan
Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia
Kelantan

Al-Quran merupakan kitab suci yang menjadi panduan umat Islam dalam segenap aspek kehidupan. Penjelasan dan huraian kehendak sebenar al-Quran disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW melalui suluhan sabda Baginda yang jelas, benar dan terang.

Kedua-dua sumber utama agama Islam ini dipegang erat, dihayati dan diterjemahkan dalam bentuk praktikal oleh para sahabat r.a. sehingga julukan "Generasi al-Quran yang Unik" amat sinonim dengan mereka. Antara ciri dan sifat al-Quran termasuklah al-Furqan. Istilah al-Furqan membawa erti prinsip dan piawai yang menjelaskan garis perbezaan antara kebenaran dengan kebatilan. Justeru, obor al-Quran menerangi jalan yang hak supaya umat Islam mendapat cahaya kebenaran bagi menelusuri jalan

kehidupan. Dalam konteks ini, Allah SWT berfirman dalam *Surah al-Anfal* ayat 29 yang bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertaqwa kepada Allah, nescaya Ia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu. Dan Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar." Ciri al-Furqan inilah yang telah melahirkan generasi yang terbilang dalam sejarah tamadun

umat Islam dari Baghdad ke Andalusia hingga ke Gibraltar dan benua Afrika.

Klasifikasi dan hierarki ilmu
Dalam konteks perbincangan mengenai ilmu, kebenaran paling utama yang perlu difahami adalah tentang klasifikasi dan hierarki ilmu. Kerap kali berlaku salah faham dalam masyarakat apabila membicarakan tentang bidang ilmu yang manakah lebih utama dan penting berbanding dengan yang lain.

Para cendekiawan Muslim melalui Persidangan Pendidikan Islam Sedunia kali ke-2 pada tahun 1980, telah merumuskan klasifikasi ilmu kepada dua bahagian, iaitu ilmu abadi dan ilmu perolehan. Dari sudut hierarki pula, ilmu abadi mendahului ilmu perolehan. Ilmu abadi terdiri daripada ilmu al-Quran; sunah Rasulullah SAW; sirah *nabawiyyah*; para sahabat dan khulafa'; tauhid; fiqah dan usul al-fiqah; serta bahasa Arab. Sementara itu, ilmu perolehan pula terdiri daripada ilmu imaginatif, sains intelektual, sains tabii, sains terapan dan ilmu-ilmu praktikal.

Menurut Profesor Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar, konsep pengelasan dan keutamaan ilmu ini merupakan penjelasan terhadap tunjang ajaran Islam melalui al-Quran yang terdiri daripada *ayat qur'aniyyah* dan *ayat kauniyyah*. Bertitik tolak daripada konsep yang penting ini, umat Islam seharusnya memandu tindakan mereka dalam proses pembinaan individu, keluarga, masyarakat dan negara terutamanya dalam konteks pendidikan dan

pembangunan insan. Dengan kata lain, kefahaman yang sebenar dan kaedah berfikir yang tepat mengenai ilmu fardu ain dan fardu kifayah akan mampu memberikan garis panduan yang jelas apabila berhadapan dengan krisis ilmu, nilai dan moral dalam masyarakat.

Menghayati fiqah keutamaan dalam konteks ini merupakan jalan penyelesaian kepada kemelut fahaman yang tidak tepat berkaitan dengan ilmu dan pendidikan. Jika diperhatikan, realiti masyarakat terbanyak dalam kalangan umat Islam lebih mengutamakan penguasaan ilmu perolehan berbanding dengan ilmu abadi sehingga penguasaan 3M (Membaca, Menulis, Mengira) dalam subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik menjadi fokus utama berbanding dengan penguasaan al-Quran dan ilmu agama. Situasi ini berlaku kesan daripada meletakkan keutamaan yang tidak tepat dalam konteks hierarki ilmu. Lebih menyedihkan lagi, apabila kandungan subjek ini tidak berjaya dihubungkan dengan prinsip "Kepercayaan kepada Tuhan" yang menjadi prinsip utama Rukun Negara. Natiujahnya, generasi yang lahir tidak mampu menghayati adab dan akhlak sebagai manifestasi ilmu yang dipelajari dan ditekuni. Dalam konteks ini, umat Islam dan masyarakat Malaysia secara keseluruhannya harus kembali menekuni Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai satu kerangka pendidikan yang membentuk asas adab dan akhlak individu budiman yang seimbang dan harmonis

sebagaimana yang disarankan oleh Profesor Emeritus Tan Sri Dzulkipli Abdul Razak.

Keutamaan al-Quran
Wahyu al-Quran ialah sumber ilmu utama dan pertama bagi umat Islam. Pendidikan al-Quran seharusnya berada pada kedudukan yang paling utama dalam proses pendidikan dan pembangunan insan. Dalam sebuah hadis riwayat Imam al-Bukhari, Rasulullah SAW memberikan penegasan tentang keutamaan al-Quran yang bermaksud, "Sebaik-baik kamu ialah orang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya."

Lebih istimewa, Allah SWT telah mempermudah mukjizat al-Quran untuk dihafal, dipelajari dan difahami oleh hamba-Nya. Allah SWT berfirman dalam *Surah al-Qamar* ayat 17 yang bermaksud, "Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?"

Bertitik tolak daripada keutamaan pendidikan al-Quran ini, ramai dalam kalangan ilmuwan dan cendekiawan Muslim sepanjang sejarah kegemilangan Islam menyempurnakan pendidikan al-Quran pada peringkat awal proses pencarian ilmu. Sebagai contoh, Imam Muhammad bin Idris al-Shafii menyempurnakan pendidikan al-Quran pada usia tujuh tahun; Imam Ibn Hajar al-Asqalani pada usia lapan

tahun; Imam Ibn Kathir pada usia 11 tahun dan Imam Ahmad pada usia 15 tahun. Penyempurnaan pendidikan al-Quran pada usia paling awal merupakan asas utama dalam tradisi keilmuan Islam sehingga berjaya melahirkan para ilmuwan tersohor pada era masing-masing.

Persiapan melahirkan generasi al-Quran

Proses pendidikan bermula di rumah. Peranan dan tanggungjawab ibu bapa amat penting dalam menjayakan proses pendidikan tersebut. Sebelum pelaksanaan proses berlaku, maka ibu bapa seharusnya mengetahui, memahami dan menghayati dengan sepenuhnya kepentingan ilmu berdasarkan klasifikasi serta hierarki yang telah dinyatakan sebelum ini. Saranan berikut boleh dijadikan panduan dalam merancang persiapan menyempurnakan pendidikan al-Quran kepada anak-anak.

• Membina kerangka berfikir yang tepat

Pelaksanaan proses pendidikan khasnya pendidikan al-Quran memerlukan asas kerangka berfikir yang tepat. Pendidikan al-Quran tidak hanya bermakna proses belajar dan menghafal al-Quran sahaja. Bahkan, hal ini merangkumi kesedaran dan kefahaman bahawa al-Quran ialah sumber ilmu yang perlu menjadi panduan dalam apa-apa juga bidang yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Al-Quran menjadi asas bagi

memahami segala jenis ilmu dan kesemua ilmu yang dipelajari harus dihubungkan dan dikembalikan kepada pemiliknya yang sebenar, iaitu Allah SWT. Kerangka berfikir ini seharusnya dijadikan kompas tindakan dalam proses pendidikan sejak dari awal dan pegangan dalam pendidikan sepanjang hayat.

• Menjadikan al-Quran sebagai teman setia

Cabaran pendidikan keluarga masa ini amat mencabar. Forum Ekonomi Dunia melaporkan kajian tentang peningkatan kes rawatan mental dan kesihatan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja di Amerika Syarikat dan Eropah sepanjang fasa dan pascapandemik COVID-19. Penutupan sekolah dan halangan bersosialisasi dengan rakan-rakan, guru, saudara-mara dan persekitaran menjadikan mereka yang sedang membesar dan aktif ini berhadapan dengan depresi,

stres serta masalah kesihatan disebabkan banyak terkurung dan tidak aktif. Masa yang mereka peruntukkan secara melampau dengan menatap skrin telefon dan komputer telah memberikan kesan buruk terhadap mental apabila tidak dipantau oleh ibu bapa.


Di Malaysia, pandemik bukan sahaja telah menjejaskan kesihatan awam secara serius, malahan turut memberikan impak yang besar terhadap kesejahteraan murid di sekolah, pelajar di institusi pengajian tinggi dan keluarga mereka dek kekangan aktiviti ekonomi dan sosial. Jika dilihat secara positif, kekangan pergerakan dan sosialisasi semasa era pandemik memberikan peluang yang besar untuk dimanfaatkan oleh para ibu bapa dalam proses pendidikan anak-anak khasnya menghubungkan dan mendekatkan mereka dengan al-Quran. Semasa pandemik, proses pendidikan berlaku di rumah secara optimum dan ibu bapa boleh membuat



Pelbagai kaedah dan medium yang boleh digunakan untuk mengikuti kelas pengajian al-Quran.

pemantauan secara langsung mengenai perkembangan anak-anak. Ibu bapa harus memanfaatkan peluang ini untuk menjadikan al-Quran sebagai teman setia anak-anak mereka. Program dan aktiviti khas harus dirancang secara sistematik dan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan hubungan erat dengan al-Quran dapat dibina seutuhnya. Dengan cara ini, kesedaran mengenai keutamaan dan kepentingan al-Quran sebagai asas ilmu dalam kehidupan mereka dapat diterapkan secara sedikit demi sedikit.

- * Menghayati hubungan al-Quran dan alam semesta Wahyu al-Quran mengemukakan kepada manusia perihal alam semesta yang hebat ciptaan Tuhan Yang Esa. Malangnya, ayat-ayat al-Quran tersebut jarang-jarang dihubungkan dari sudut kefahamannya dengan keunikan dan keistimewaan alam semesta, sedangkan al-Quran merupakan asas untuk manusia memahami kejadian alam ini. Sebagai contoh, al-Quran membicarakan tentang kejadian langit, bumi, bukit-bukau, gunung-ganang, sungai, laut, unta, semut dan sebagainya. Semua ini dibentangkan kepada manusia supaya mereka dapat menyaksikan kuasa dan kebesaran Allah SWT di sebalik semua kejadian tersebut. Al-Quran memaparkan kudrat dan iradat Allah SWT melalui makhluk ciptaannya. Sudah pasti, jiwa yang insaf



Teknologi digital menjadikan manusia dapat mengaji tanpa perlu membawa mashaf al-Quran.

dan hati yang gerun sentiasa memerhatikan bahawa kehebatan Allah SWT terjelma di sebalik setiap patah ayat al-Quran yang dialunkan hari demi hari. Apabila penghayatan ini berlaku, jadilah al-Quran itu hidup dalam realiti kehidupan, bukan kaku dan tidak mendatangkan sebarang kesan.

Al-Quran dan teknologi sebagai pemudah cara

Teknologi merupakan pemudah cara bagi manusia mencapai maksud kehidupan. Hal ini juga merupakan alat yang berkesan untuk menguasai ilmu pada zaman moden ini. Dalam konteks pendidikan al-Quran, pelbagai bahan elektronik dan perisian khas berkaitan dengan al-Quran telah dibangunkan oleh pelbagai pihak bagi memudahcarakan pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Bahan dan platform tersebut boleh diakses di mana-mana dan pada bila-bila masa. Inilah suatu peluang yang terbuka kepada ibu bapa untuk memanfaatkan teknologi yang ada bagi memperkukuh pengetahuan

mereka tentang al-Quran melalui kaedah pembelajaran sepanjang hayat lantas memudah cara pendidikan al-Quran anak-anak secara tersusun dan berkesan.

Produk al-Quran digital, aplikasi perisian al-Quran, video pengajian al-Quran dan penggunaan teknologi realiti terimbuh (*augmented reality*) boleh digunakan untuk menarik minat dan kesungguhan anak-anak supaya semakin erat dengan al-Quran. Kemajuan teknologi menyediakan pelbagai ruang untuk diteroka oleh umat Islam.

Persoalannya, sejauh manakah umat Islam berada di hadapan dalam memelopori dan mengasaskan produk serta perisian yang terkini berkaitan dengan al-Quran seiring dengan perkembangan teknologi dalam bidang yang lain? Inilah antara cabaran dan tanggungjawab besar yang boleh dianggap sebagai keperluan fardu kifayah untuk umat Islam melahirkan tenaga pakar dalam bidang teknologi aplikasi dan perisian berkaitan dengan pendidikan al-Quran yang mampu menghasilkan produk yang berimpak tinggi bagi manfaat masyarakat. Dalam konteks ini, sabda Rasulullah SAW amat sesuai dengan realiti dan keperluan tersebut apabila Baginda bersabda dalam satu hadis riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud, "Sebaik-baik manusia antara kamu ialah orang yang paling banyak memberikan manfaat kepada orang lain." Generasi yang aktif memberikan impak positif dalam masyarakat inilah yang didambakan oleh umat Islam. Inilah generasi al-Furqan! ﴿